

# DOKUMEN MEJA

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**  
Sebutharga untuk kerja JPS Daerah Kuala Selangor  
(No.S/harga : JPS/N/KS/B(03)/2/2014)

Sila sebutkan harga bagi mengadakan segala bahan-bahan, peralatan, jentera dan tenaga buruh serta mengikuti syarat-syarat yang ditentukan bagi kerja:-

**MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PERANGKAP SAMPAH SUNGAI BULOH  
DI KAMPUNG IJOK KAWASAN SALIRAN BLOK II, DAERAH KUALA SELANGOR,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

Tawaran akan ditutup pada 12.00 tengahari 15 hb. Januari, 2014 di Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Tawaran hendaklah di masukkan kedalam sampul surat bermeteri yang di tandakan di sudut kanan Rujukan Sebutharga.

Bil	Butir-butir kerja	Unit	Kuantiti	Harga	Jumlah
<b>1.0</b>	<b>PERMULAAN :</b>				
1.1	Polisi-polisi Insuran "Workmens Compensation Dan Public Liability".	L.Sum	-	-	
1.2	Kos Penyediaan pengangkutan jentera ketapak bina pergi dan balik	Pusingan	23		
1.3	Kerja - kerja penyediaan tapak binaan, kelengkapan peralatan jika kecemasan, buruh, signboard dan pegawai lalulintas, peralatan keselamatan pekerja dan lain - lain jika perlu mengikut arahan Pegawai Penguasa.	L.sum	-	-	
1.4	Membekal, mengangkut dan meratakan CRUSHER RUN Gred A untuk kerja-kerja menurap semula jalan masuk ke perangkap sampahselebar 5 meter, panjang jalan 50 meter serta memadatkan menggunakan 'Compactor Roller' seberat 8 ton sehingga mencapai tebal 225mm (9") mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m3	56		
<b>2.0</b>	<b>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN PERANGKAP SAMPAH.</b>				
2.1	Menyediakan jentera excavator, sampah serta buruh yang bersesuaian bagi melakukan kerja - kerja mengumpul dan menarik keluar segala jenis sampah sarap, kayu kayan, botol dan sebagainya dari perangkap sampah mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Pusingan	23		
2.2	Menyediakan Jentera excavator, lori dan buruh yang bersesuaian dengan aktiviti kerja untuk melakukan kerja - kerja mengangkut dan membuang keluar sampah sarap tersebut ke tapak pelupusan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Pusingan	23		

	2.3	Menyediakan jentera, lori dan buruh untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan rizab sungai sebelum dan selepas setiap pusingan mengikut arahan Pegawai Peguasa.	Pusingan	23		
<b>3.0</b>		<b>LAPORAN BERGAMBAR :</b>				
	3.1	Membekal sebuah kamera digital jenis nikon atau setara denganya dan menyediakan laporan bergambar setiap pusingan yang mengandungi 26 keping gambar berwarna dalam bentuk digital <b>sebelum, semasa dan selepas</b> kerja siap serta 1 softcopy (pendrive).	L.Sum	-	-	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						

(Ringgit M'sia: .....  
.....)

Tempoh kerja disiapkan: **52 Minggu.**

Taklimat / Lawatan Tapak pada : **TIADA**

Tandatangan Penender : .....

Nama Penender : .....

No. Kad Pengenalan : ..... No. Telefon : .....

Tandatangan Saksi : .....

Nama Saksi : .....

No. Kad Pengenalan : ..... No. Telefon : .....

## SYARAT SYARAT KERJA

### 1. PERMULAAN :

- 1.1 Pendorong hendaklah memastikan bahawa pendaftaran dengan Pusat khidmat kontraktor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah kod dan tajuk yang berkaitan dengan sebutharga ini adalah masih sah dan sekurang-kurangnya sehingga enam (6) bulan dari tarikh tutup sebutharga. Ketidakpatuhan terhadap syarat ini akan menyebabkan sebutharga yang ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.2 Pendorong hendaklah mengenalpasti jentera dan bahagian-bahagian yang dinyatakan dalam butir-butir kerja dan memeriksa dengan teliti sebelum membuat kiraan di dalam borang tawaran sebutharga.
- 1.3 Semua ruangan di dalam borang sebutharga ini hendaklah diisi dengan selengkapnya. Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

### 2. INSURAN :

- 2.1 Pendorong hendaklah mengambil insurans untuk Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*), Tanggungan Awam (*Public Liability*) dan mana-mana insurans yang ada kaitan dengan kerja yang dimaksudkan dalam sebutharga.
- 2.2 Polisi insurans hendaklah diserahkan kepada jabatan ini bagi kerja-kerja tersebut.

### 3. SEBELUM KERJA BERMULA :

- 3.1 Sebelum memulakan kerja sesalinan *cover-note* (insurans yang berkaitan) hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penguasa jabatan ini.
- 3.2 Gambar-gambar yang tertera tarikh hendaklah diambil sebelum kerja dimulakan di setiap bahagian kawasan/bangunan/harta awam/aset/mana-mana bahagian daripadanya yang kerja akan dibuat terhadapnya.

### 4. SEMASA KERJA DIJALANKAN :

- 4.1 Kontraktor perlu membersihkan sisa - sisa sampah yang tertinggal di atas pelantar dan celah - celah perangkap sampah. Sebarang pembakaran **Tidak Di Benarkan**.
- 4.2 Kontraktor tidak boleh merosakkan perangkap sampah atau menggunakan komponen perangkap sampah sebagai peralatan kerja - kerja pembersihan.
- 4.3 Jika terdapat sampah sarap terlepas semasa pembersihan dijalankan oleh kontraktor yang dilantik, Pegawai Penguasa/wakil berhak mengarahkan kontraktor tersebut memunggut semula sampah yang terlepas.

## 5 SELEPAS KERJA SIAP :

- 5.1 Kerja kerja hendaklah disiapkan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 5.2 Gambar-gambar yang tertera tarikh hendaklah diambil selepas kerja siap dilaksanakan di setiap bahagian kawasan/bangunan/harta awam/aset/mana-mana bahagian daripadanya yang kerja telah dibuat terhadapnya.
- 5.3 Gambar-gambar tersebut hendaklah dicetak diatas kertas A4 yang setiap muka mengandungi 3 imej gambar sebelum,semasa dan selepas seperti yang dinyatakan dalam Borang Sebutharga.
- 5.4 Gambar-gambar hendaklah disimpan dalam bentuk *softcopy* ke dalam 'pen-drive' dan diserahkan bersama-sama laporan seperti yang dinyatakan dalam perkara 5.3 kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya.

## 6. PEMERIKSAAN :

Pemeriksaan akan dibuat bila-bila masa oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan untuk kelulusan.

## 7. TEMPOH KERJA :

Pemborong hendaklah menyiapkan kerja dalam jangkamasa yang ditetapkan. Jabatan ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya, jika gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan kecuali jika terdapat alasan-alasan yang munasabah yang tidak dapat dielakkan. Lanjutan masa hendaklah dipohon oleh pemborong jika perlu.

## 8. KEROSAKAN :

Pemborong hendaklah bertanggungjawab ke atas segala kerosakan, harta benda awam dan persendirian atau segala kemalangan yang berlaku semasa kerja-kerja sedang dijalankan.

## 9. BAYARAN :

Pembayaran akan dibuat mengikut penilaian Pegawai Penguasa berdasarkan kepada semua syarat-syarat di atas.